

6 MAR 1996

Jelajah-sambutan

LE TOUR de LANGKAWI SEMAKIN MENDAPAT SAMBUTAN

Oleh: Asan Ahmad

JOHOR BAHRU, 6 Mac (Bernama) -- Perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi semakin mendapat sambutan daripada orang ramai yang mendorong penganjuranya berjanji untuk menjadikannya lebih menarik di masa depan.

Wan Lokman Wan Ibrahim, Pengerusi Eksekutif First Cartel (M) Sdn Bhd, syarikat yang menganjur perlumbaan ala Tour de France itu, berkata suasana jelajah berbasikal itu tidak begitu dirasakan pada peringkat awalnya tetapi setelah liputan meluas pihak media, perlumbaan menjadi semakin rancak.

"Saya berbangga dengan sambutan yang diberikan oleh orang ramai terhadap acara ini. Bermula dari peringkat ketiga, ramai yang berkumpul di sepanjang jalan yang dilalui untuk menyaksikan dengan lebih jelas acara yang disertai oleh 134 dari 20 negara," katanya.

Sambutan semakin meriah dan hampir di semua pekan yang dilalui jelajah itu ianya disambut dengan pukulan kompang serta barisan murid-murid sekolah.

"Saya rasa jelajah ini telah mula mendapat tempat dan merupakan satu kejayaan walaupun pertama kali diadakan," kata Wan Lokman.

Beliau juga berpuas hati terhadap kerjasama yang diberikan oleh kerajaan negeri yang telah bersusah payah mengatur acara sampingan untuk menyambut para pelumba di garisan penamat.

Wan Lokman tidak menafikan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam penganjuran perlumbaan itu tetapi beliau berjanji perlumbaan itu akan lebih berkesan ddi masa depan.

Katanya penganjur akan lebih tegas dengan penyertaan untuk meminta semua negara yang akan menyertainya menghantar pelumba terbaik berbanding sekarang yang kebanyakannya belum mencapai taraf dunia.

"Saya mencadangkan agar pelumba-pelumba yang dihantar untuk menyertai jelajah ini pada tahun depan adalah pelumba yang bertaraf dunia dan usaha ini adalah untuk meningkatkan taraf Le Tour de Langkawi serupa dengan Tour de France yang diiktiraf itu," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa jelajah ini yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mula mendapat perhatian pihak penaja dan setakat ini banyak yang berminat untuk menjadi penaja pada tahun depan.

Sementara itu, pelumba Great Britain, John Tanner berkata pelumba malayusia perlu diberi pendedahan untuk bertanding pada kejohanan di sebarang laut jika mahu meningkatkan pencapaian.

Beliau berkata pelumba Malaysia juga tidak kurang handal seperti pelumba lain tetapi kurang berpengalaman dan ini yang menjadi kelemahan.

Katanya, percaya atau tidak, jika diberi peluang bertanding pada peringkat antarabangsa dari semasa ke semasa, pelumba Malaysia boleh mencapai taraf dunia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkara itu oleh pemberita pada persidangan berita di sini malam ini. -- BERNAMA

AHA FAZ